



BLACK G SDN BHD(402430-x)

B25-1 Jalan Reef 1/2
Pusat Perniagaan Reef
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

**PERMOHONAN
STOKIS**



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(A) PERMOHONAN

Pemohon hendaklah memohon kepada Pengeдар yang berdaftar. Pemohon hendaklah mengisi borang yang disediakan oleh Black G Sdn Bhd ("Pihak Syarikat") dengan lengkap berdasarkan butiran yang diperlukan.

(B) SYARAT UMUM

1. Pihak Stokis mestilah mempunyai perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM").
2. Pihak Syarikat merupakan pembekal produk barangan Black G Sdn Bhd.
3. Pihak Stokis bertanggungjawab menjaga dan memberi servis yang terbaik untuk pelanggan masing-masing.
4. Selepas pembelian, tidak boleh memulangkan / menukar stok kepada Pihak Syarikat jika tidak dapat menjualnya.
5. Jika berlaku kerosakan(pecah) atau kehilangan produk semasa penghantaran oleh Pihak Stokis kepada Ejen atau pelanggan, Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dan kerosakan tersebut.
6. Pihak Stokis boleh melantik pasukan Ejen dan Dropship sendiri tetapi perlu memaklumkan secara bertulis kepada Pihak Syarikat dan berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan.
7. Kuota Stokis dihadkan mengikut kawasan berdasarkan kepadatan penduduk. Kuota ini boleh berubah mengikut keperluan selepas kelulusan bertulis dari Pihak Syarikat.
8. Untuk kekalkan status sebagai stokis, stokis perlu kekalkan restok 100 unit Kapsul / Liquid / keduanya.
9. Pihak Syarikat boleh melucutkan status Pihak Stokis atau menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya mempunyai sebab yang munasabah.



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(C) PENDAFTARAN SEBAGAI STOKIS

1. Pendaftaran sebagai Stokis adalah wajib bagi semua stokis yang menjual barangan Pihak Syarikat.
2. Pendaftaran sebagai Stokis hendaklah melalui laman web rasmi Black G Sdn Bhd *www.blackgofficials.com* sahaja.
3. Sebarang pendaftaran yang bukan melalui laman web rasmi Black G Sdn Bhd, Pihak Syarikat berhak untuk tidak mengiktiraf sebagai Stokis yang sah dan berdaftar.
4. Kelulusan Permohonan akan mengambil masa sekurang-kurangnya 7 hari berkerja.
5. Pihak Stokis yang berjaya dengan permohonannya dan telah didaftarkan di laman web rasmi Pihak Syarikat akan mendapat kad dan nombor ahli Stokis yang akan ditentukan oleh Pihak Syarikat.

(D) Tempoh

1. Perjanjian ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun ("Tempoh Perjanjian") bermula daripada tarikh permulaan kuatkuasa Perjanjian ini ("Tarikh Kuatkuasa").
2. Sekiranya Stokis berhasrat untuk memperbaharui Tempoh Perjanjian ini, Stokis dikehendaki memohon secara bertulis kepada Syarikat tidak kurang daripada satu (1) bulan sebelum tamat Tempoh Perjanjian
3. Syarikat berhak sepenuhnya untuk mempertimbangkan permohonan Stokis untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian tersebut untuk tempoh lanjutan satu (1) tahun lagi ("Tempoh lanjutan") tertakluk kepada prestasi Stokis dan Stokis yang tidak cuai, gagal, atau melanggar atau mengenghari mana-mana terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini.



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(E) Memo

1. Sebarang memo yang dikeluarkan oleh Pihak Syarikat akan diserahkan kepada Pengedar Rasmi Pihak Syarikat.
2. Memo yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Ejen bawahan Stokis masing-masing. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang kekeliruan atau kekurangan informasi terhadap semua Ejen berdaftar.
3. Sebarang permasalahan mengenai produk, urusan jual beli, dan aduan hendaklah Pihak Stokis berhubung dengan Pengedar masing-masing.

(F) SYARAT PEMBELIAN DAN RESTOK

1. Pembelian (permulaan & daftar) adalah 100 unit unit Black G capsule atau Black G Liquid atau campuran antara kedua-duanya (muktamad).
2. Sekiranya Pihak Stokis ingin menambah produk lain (Kopi/Ener-G Plus/Sabun Soap & Scrub) dibolehkan semasa membeli stok atau restok.
3. Pihak Stokis perlu membeli 50 unit Black G capsule atau Black G Liquid atau campuran antara kedua-duanya sebagai pembelian minima setiap belian dari Pihak Syarikat.
4. Pembelian kopi atau ener-G Plus, Sabun Soap & Scrub atau produk-produk lain sahaja dari Pihak Syarikat tidak dibenarkan.
5. Kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh Pihak Stokis
6. Pendaftaran dan pembelian stok perlu dilakukan di borang online yang disediakan.

(G) SYARAT HARGA

1. Harga penjualan produk-produk Pihak Syarikat adalah TETAP.
2. Pihak Syarikat berhak menetapkan harga jualan untuk setiap produk yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
3. Pihak Stokis dilarang sama sekali melakukan perubahan seperti menurunkan harga atau membuat promosi tertentu tanpa mendapat memo atau surat pengesahan daripada Pihak Syarikat.



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(H) JAMINAN

1. Semua produk barangan Pihak Syarikat hanya boleh didapati dan dibeli di dalam laman web rasmi Black G www.blackgofficials.com sahaja.
2. Setiap pembelian yang melalui laman web rasmi adalah dijamin keaslian dan mutu produk-produknya.
3. Jaminan akan diberikan sehingga tamat tempoh produk barangan tersebut.
4. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab diatas pembelian luar daripada laman web rasmi Pihak Syarikat.

(I) TANGGUNGJAWAB STOKIS

1. Pihak Stokis hendaklah berhubung dengan pengedar masing-masing mengenai sebarang informasi, memo, dan sebagainya dari Pihak Syarikat.
2. Sebarang informasi yang perlu dituju kepada Ejen bawahan Pihak Stokis, hendaklah disampaikan tanpa sebarang masalah.
3. Stokis bertanggungjawab menyelia dan memastikan ejen yang berdaftar dengan mereka supaya mengikut segala peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.
4. Sekiranya Ejen yang mendaftar dengan Stokis melanggar peraturan dan syarat, teguran perlu dibuat maksimum 3 kali. Sekiranya selepas 3 kali teguran Ejen masih tidak mematuhi peraturan dan syarat, Pihak Stokis hendaklah menamatkan kelayakan ejen tersebut.
5. Sekiranya Stokis didapati gagal mengawal dan menyelia Ejen yang berdaftar dengan mereka, kelayakan Pihak Stokis juga akan dilucutkan.



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(J) PROMOSI DAN PENGIKLANAN

Berikut merupakan 20 jenis penyakit yang tidak boleh diiklankan / dilarang sebagai tuntutan perubatan kerana ianya menyalahi undang-undang Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956.

- | | |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Darah Tinggi | <input type="checkbox"/> Penyakit Mata |
| <input type="checkbox"/> Kanser | <input type="checkbox"/> Kemandulan |
| <input type="checkbox"/> Kencing Manis/Diabetes | <input type="checkbox"/> Frigiditi |
| <input type="checkbox"/> Penyakit/kerosakan buah pinggang | <input type="checkbox"/> Lemah Fungsi Seks/Impotent |
| <input type="checkbox"/> Penyakit/kerosakan Jantung | <input type="checkbox"/> Penyakit Venerus |
| <input type="checkbox"/> Sekit Mental | <input type="checkbox"/> Sawan |
| <input type="checkbox"/> Ketagihan Dadah | <input type="checkbox"/> Pekak |
| <input type="checkbox"/> Lumpuh | <input type="checkbox"/> Batuk Kering |
| <input type="checkbox"/> Asma/Lelah | <input type="checkbox"/> Kusta |
| <input type="checkbox"/> Hernia | <input type="checkbox"/> Kelemahan Urat Saraf Berkaitan Hubungan Seks |



TERMA DAN SYARAT STOKIS

1. Pihak Stokis juga perlu memastikan semua Ejen yang mendaftar dengan mereka mematuhi segala etika dan peraturan beriklan yang tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.
2. Harga produk-produk Black G Sdn Bhd adalah TETAP dan tidak dibenarkan "MEMBUANG HARGA".
3. Semua pengiklanan mestilah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Pihak Kerajaan Malaysia.
4. Tidak menggunakan Hashtag "#" bersama dengan 20 jenis penyakit sebagai tuntutan perubatan kerana ianya menyalahi undang-undang Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956.
5. Sebarang penjualan dan pengiklanan melalui SHOPEE, LAZADA, MUDAH.MY, dan seumpamanya adalah DILARANG. Ianya boleh menyebabkan aktiviti "buang harga" didalam pasaran. Tindakan keras akan diambil bagi Stokis/Ejen yang didapati melakukan penjualan dan pemasaran di platform tersebut.
6. Pengiklanan penggunaan testimoni- testimoni yang bukan berdasarkan produk barangan Original Black G Sdn Bhd (produk luar) di dalam pengiklanan / penjualan online untuk barangan produk Black G (Blog dan sebagainya) adalah dilarang sama sekali.
7. Tidak dibenarkan untuk membuka produk-produk Black G dan menjualnya seperti "TRIAL PACK" dan seumpama dengannya kerana ianya tidak menepati standard piawaian pembungkusan yang ditetapkan oleh Black G Sdn Bhd.
8. Tidak dibenarkan melakukan "overclaim", menggunakan perkataan-perkataan terlarang, mengada-adakan testimoni dan melakukan penipuan dan kekeliruan.



TERMA DAN SYARAT STOKIS

(K) DISIPLIN DAN SALAH LAKU

1. Setiap Stokis adalah diingatkan supaya menjual produk Black G Sdn Bhd mengikut harga yang telah ditetapkan.
2. Adalah dilarang sama sekali untuk menjual Produk Black G Sdn Bhd melebihi atau kurang dari harga pasaran yang ditetapkan.
3. Setiap Stokis haruslah diingatkan untuk tidak mengiklankan 20 jenis penyakit (Rujuk di atas) sebagai tuntutan perubatan kerana ianya menyalahi undang-undang Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956. Sebarang salahlaku akan dikenakan tindakan antaranya:
 - a. Pemberian amaran (Maksimum 3 kali) kepada Pihak Stokis yang tidak mematuhi pengiklanan /etika cara penjualan online yang ditetapkan.
 - b. Penarikan secara langsung kelayakan dan status sebagai Stokis (Termination).
 - c. Menyenerai hitam (Blacklist) mana-mana Stokis dari Penjualan Produk Syarikat.

(L) PEMBATALAN KELAYAKAN

1. Sekiranya mana-mana syarat dan terma di atas tidak dipatuhi oleh Pihak Stokis, secara langsung kelayakan dan status sebagai stokis akan terbatal secara automatik.
2. Pihak Syarikat mempunyai hak membatalkan mana-mana Stokis sekiranya didapati bermasalah dan terdapat aduan dari pihak pelanggan dengan bukti yang kukuh.
3. Pihak Syarikat berhak mengubah syarat dan terma di atas dari semasa ke semasa.



BORANG PERMOHONAN STOKIS

Maklumat Permohon (individu)

Nama :

Alamat :

No. Kad Pengenalan : No Tel :
1.
2.

Email :

Maklumat Syarikat (Jika Ada)

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :

Nombor Pendaftaran Syarikat : No Pejabat :

Email Syarikat :

Maklumat Tambahan

Website (Jika Ada) :

Facebook (Jika Ada) :

Instagram (Jika Ada) :

Lain-lain (Jika Ada) :

Rujukan Pendedar : Rujukan stokis :

UNTUK KEGUNAAN YANG BERKENAAN SAHAJA

Negeri : Bandar : ID :

Catatan / Nota :



PENGAKUAN MENJADI STOKIS

PENGAKUAN : DENGAN INI, SAYA MENGAKUI BAHAWA SEGALA MAKLUMAT YANG TERLAH DIBERI DIATAS ADALAH BENAR DAN TEPAT. SAYA JUGA BERSETUJU UNTUK MEMATUHI SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK BLACK G SDN BHD.

Tandatangan

Cop syarikat

Tarikh



PRODUK

STOKIS

NO.	JENIS PRODUK	HARGA PASARAN		HARGA STOKIS	JUMLAH KUANTITI	JUMLAH HARGA (RM)
		HARGA MALAYSIA SEUNIT (RM)	HARGA INDONESIA SEUNIT (RM)	SEUNIT (RM)		
1	CAPSULE BLACK G PURE EXTRACT (30 CAPSULE) Bar Code : 9555860900034	RM120.00	RM130.00	RM60.00		
2	BLACK G BLACK GINGER PLUS LIQUID (250ML) Bar Code: 9555860900027	RM120.00	RM130.00	RM60.00		
3	BLACK G ENER-G PLUS (15 SACHET) Bar Code: 9555860900096	RM65.00	RM75.00	RM42.50		
4	BLACK G COFFEE ORIGINAL (15 SACHET) Bar Code: 9555860900065	RM45.00	RM50.00	RM31.50		
5	BLACK G SOAP & SCRUB (100G) Bar Code : 95558609000072	RM59.00	RM69.00	RM42.00		
	JUMLAH					



PENGESAHAN (untuk kegunaan Pengekar)

Disahkan Oleh (Pengekar) :

Nama :

Pengekar :

Cop (Jika Ada) :

Catatan / Nota :

PENGESAHAN (untuk kegunaan Syarikat Black G Sdn Bhd Sahaja)

Disahkan Oleh :

Diluluskan Oleh :

Nama :

Jawatan :

Nama :

Jawatan :

Catatan / Nota :